



**UNIT PERANCANG EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**KENYATAAN MEDIA**

**MALAYSIA SAMBUT BAIK KEPUTUSAN MESYUARAT KE-17 OPEC +**

Saya telah mengetuai delegasi Malaysia menghadiri mesyuarat ke-17 Peringkat Menteri Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan Bukan-OPEC (juga dikenali sebagai Mesyuarat OPEC+) yang diadakan secara maya pada 1 Jun 2021.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan bersama oleh Menteri Tenaga Arab Saudi, Yang Amat Mulia Putera Abdulaziz bin Salman Al Saud dan Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Rusia, TYT Alexander Novak dan disertai oleh 13 wakil negara anggota OPEC serta 10 wakil negara bukan anggota OPEC.

Malaysia yang bukan anggota OPEC mula menyertai Mesyuarat OPEC+ sejak Disember 2016. Mesyuarat ini merupakan platform untuk membincangkan kedudukan pasaran minyak mentah dunia.

Kejatuhan permintaan minyak mentah yang berpunca terutamanya oleh penularan pandemik COVID-19 dan lebih bekalan yang tinggi telah menyebabkan harga minyak jatuh mendadak.

Kesepakatan yang dicapai oleh OPEC+ khususnya semenjak April 2020 telah memberi impak positif kepadaimbangan dan kestabilan pasaran minyak global, di samping membantu mengawal lebihan stok minyak dunia.

Malaysia menyambut baik keputusan yang dibuat dalam mesyuarat kali ke-17 OPEC+, iaitu:

- i. Menegaskan kembali komitmen sedia ada Mesyuarat Menteri OPEC+ pada April 2020, yang dipinda pada bulan Jun, September, dan Disember 2020, serta pada bulan Januari dan April 2021 untuk meningkatkan pengeluaran sebanyak 2 juta tong sehari (mb/d) secara beransur-ansur pada kadar yang sesuai mengikut keadaan pasaran.
- ii. Memantau asas pasaran minyak bagi memastikan proses untuk mengimbangi dan menstabilkan pasaran minyak global dapat dicapai.

Terdapat tanda-tanda pemulihan pasaran minyak setelah penurunan permintaan yang mendadak akibat penularan pandemik COVID-19 bermula awal 2020. Pelaksanaan program vaksin secara agresif telah membantu proses pemulihan aktiviti ekonomi di beberapa negara. Ini secara tidak langsung meningkatkan keyakinan pengguna dan sekaligus memacu semula permintaan minyak.

Jumlah keseluruhan permintaan minyak mentah dunia pada suku kedua 2020 ialah 83 juta tong sehari dan dijangka meningkat kepada 94 juta tong sehari bagi tempoh yang sama tahun ini. Secara purata, harga minyak mentah Brent bagi tempoh Januari sehingga Mei 2021 mencatat USD63 setong berbanding USD40 bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Selaras dengan usaha-usaha pemulihan aktiviti ekonomi yang berterusan di Malaysia, permintaan ke atas produk minyak domestik juga telah mencatatkan peningkatan semula kecuali sektor penerbangan. Jika dibandingkan PKP1.0 dengan PKP3.0, pembukaan beberapa sub-sektor ekonomi telah memainkan peranan dalam membawa kepada peningkatan dalam permintaan minyak.

**DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**  
**PUTRAJAYA**  
**2 JUN 2021**